

# INSAFLAH...! JIKA MAHU INSAF

## ARAK, HUKUM-HUKUMNYA DAN PERKARA-PERKARA YANG MENGENAI ((MINUMAN SELAMAT))

Di dalam jamuan teh, atau lebih tepat lagi seakan-akan jamuan “cocktail” yang diadakan oleh Konsul Iraq di sini kerana merayakan Hari Pertabalan al-Mālik Faysal Iraq pada 2 Mei yang lalu, saya tertarik dengan suatu istiadat “toast” atau sebagai disebut di Indonesia “minum selamat” yang mulanya dianjurkan oleh Konsul Iraq untuk keselamatan baginda Queen dan kemudian oleh Commissioner Jeneral Tenggara Asia, Tuan Malcom MacDonald untuk keselamatan Al-Mālik Faysal kerana kerajaan Iraq itu teraku sebagai sebuah kerajaan Islam maka dengan serta merta saya teringat kepada suatu masalah berkenaan dengan “toast” yang tersiar di dalam majalah “Kritik” yang diterbitkan oleh Persatuan Islam mengupas perkara ini dari segi agama- mudah-mudahan ada faedahnya bagi kita terutamanya bagi mereka yang bercita-cita untuk kebersihan Islam.

(oleh Ahmad Lutfi)

Tulisan majalah “Kritik” itu mula terbitnya daripada fatwa majalah “Hikmah” di Jakarta tentang arak. Seorang telah bertanya kepada “Hikmah” apa hukumnya minum khomar (arak), Wiski, Brandy dan lain-lainnya kerana ada orang katakan bahawa belum bernama “International Minded” (berperasaan international) jika tak sanggup minum arak.

Soal-soal itu semestinya dijawab oleh hikmah-kata majalah Kritik- dengan membawa ayat-ayat dan hadis-hadis yang sejumlahnya memberi makna dengan jelas dan tepat bahawa arak itu haram, walau setitik pun. Tetapi “mujtahid” di dalam majalah *Hikmah* bilangan 13 di antara lain-lain menjawab:

1. Akan tetapi menurut mazhab Hanafi, maksud hadis itu ialah sifatnya, iaitu walaupun zatnya yang diminum itu ada yang memabukkan. Kalau diminum tidak sampai memabukkan, misalnya sedikit sejentuk “toast” tidaklah haram. (Hadis-hadis yang tersebut akan disebut di bawah nanti-P.)
2. Dan di negeri-negeri yang bermazhab Hanafi diminum orang juga sedikit yang tidak memabukkan.

“Jumlah kata majalah Kritik kalau dalam

rongga penjawab itu ada takwa mahukah ia membuka pintu supaya kaum Muslimin tidak merasa berat minum sedikit arak untuk “toast”?! Apa pula mustahaknya kalimah “toast” itu diletakkan dengan koma kalau tidak menganjurkan minuman syaitan itu.- katanya di negeri Islam Hanafi yang manakah Tuan Mujtahid lihat orang-orang minum arak sedikit? Cuba terangkan!

Majalah “Kritik” telah membentangkan beberapa ayat tentang arah ini. Mula-mula katanya, turun ayat (maksudnya) “Hai orang-orang yang beriman, arak, judi, ansab dan azlam tidak lain melainkan kotor dari amalan syaitan. Oleh itu hendaklah kamu jauhi supaya dapat kejayaan.” (Q. al-Māidah 90 dan 91).

Rasulullah (SAW) bersabda (maksudnya): “Barangsiapa sampai kepadanya ayat ini sedang ia ada mempunyai arak maka tidak boleh ia minum (dia) dan tidak boleh ia jual (dia). Lalu orang-orang buang arak itu di jalan raya di Madinah. (Sahih riwayat Muslim).

Diriwayatkan: (A) Ada seorang berkata kepada pelayannya: “Pergilah jual arak itu.” Rasulullah bersabda kepadanya: “Sesungguhnya Tuhan yang haramkan minuman, haramkan jualan.” Arak itu lalu dibuangnya. (Hadis sahih riwayat Ahmad).

(B) Ada orang bertanya: Bolehkah dijadikan cuka? Sabda Rasulullah: “Tidak!” (H. S. riwayat Muslim).

(T) Ada orang bertanya: Bagaimana arak yang diwarisi oleh anak-anak yatim? Sabda Rasulullah: Buangkan dia. (H. S. riwayat Ahmad).

(TH) Ada orang bertanya: “Bagaimana kalau kita hadiahkan kepada Yahudi?” Sabdanya: “Tuhan yang mengharamkannya, haram juga menghadiahkannya kepada Yahudi” (H.S. Hamīdī).

Sekiranya arak yang sedikit, sour corn yang tidak memabukkan seperti kata “Hikmah” itu tidak haram nescaya Nabi (SAW) tidak suruh buang arak itu walaupun sedikit dan yang demikian menjadi lebih terang kalau kita baca dua sabda Rasulullah yang berikut ini:

Maksudnya: Tiap-tiap yang memabukkan itu haram; dan apa-apa (minuman) yang seakan dia daripadanya memabukkan maka seceduk tangan daripadanya (pun) haram (H. S. riwayat Ahmad dan Abū Dāwūd).

Maksudnya: Apa-apa (minuman) yang banyaknya memabukkan maka yang sedikitnya (pun) haram. (H. S. riwayat Ahmad, Ibnu Mājah, Dāraqṭani)

Setelah membentangkan tentang haramnya arak walau sedikit sekalipun dengan keterangan hadis-hadis yang tersebut maka majalah “*Kritik*” membawa pandangannya tentang tost (*Toast*).

Toast itu berasal daripada bahasa Latin dengan makna panggang, ganggang, atau bakar roti atau lainnya sampai kuning pada zaman dahulu biasa direndam dalam gelas berisi minuman keras. Lama-kelamaan gelas itu sendiri dinamakan “*toast*”.- Sekalipun tidak ada roti di dalamnya.

Akhirnya “*toast*” itu terpakai bagi erti seorang minum minuman keras yang terisi di sebuah gelas untuk kesihatan atau keselamatan seseorang, sesebuah negara, atau lainnya.

“*Toast*” itu caranya demikian: Seorang atau satu pertubuhan menjemput beberapa orang kerana memberi selamat kepada seorang atau sebuah negara. Setelah jemputan-jemputan dan tuan rumah itu duduk berkeliling di sebuah meja atau berdiri berkeliling dengan masing-masing memegang sebuah gelas yang berisi minuman (lazimnya minuman keras) maka seorang daripada tuan rumah itu berdiri dengan mengangkat gelasnya. Lalu jemputan-jemputan itu berbuat begitu juga. Kemudian ia menyeru: “Marilah kita minum buat kesihatan tuan anu” atau seumpamanya. Tiap-tiap seorang daripada yang hadir di situ mengetukkan gelasnya dengan gelas orang yang di hadapannya, di kanan dan di kirinya, lalu masing-masing meminum minuman itu.

Minuman “*toast*” rata-rata dikerjakan oleh orang kulit putih. Lalu ditiru oleh orang-orang Timur Indonesia pun telah meniru (nampaknya Pakistan dan wakil Iraq di Singapura pun demikian juga- P) bahkan rasanya telah diadakan beberapa kali majlis “*toast*” itu di istana merdeka Jakarta, istana kepunyaan satu umat yang sembilan persepuluh beragama Islam.

Di muka hadapan majalah *Al-Shawūn Al-Indonesia* keluaran Mac 1952 yang diterbitkan oleh Kementerian Penerangan dapat dilihat gambar Tuan Sukarno. Duta Mesir dan Tuan Ahmad Subarjo menjalankan upacara “*toast*” dengan khusyuknya – kata majalah Kritik.

Lebih lanjut “Kritik” menerangkan bahawa bagaimana seorang atau sebuah negara boleh sihat dan selamat apabila orang lain minum dengan menyebut “Saya minum buat kesihatan tuan” atau “Saya minum buat keselamatan negara tuan” ke manakah terbangnya masa itu akal orang yang minum “*toast*”?

Sekianlah pendapat Kritik tentang “*toast*” yang ditiru daripada fikiran dan pendapat orang-orang Barat itu. Yang demikian sudah terang berlawanan dengan pengajaran Islam tetapi hal yang demikian berjalan terus-terus dan terus!